

EDARAN PERCUMA • BIL. 1, EDISI APRIL 2012



# BULETIN MPD

MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN



\* Lukisan Kompleks Majlis Perbandaran Dungun

Mengarik  
di dalam

Portal Rasmi  
MPD Bertaraf  
5 Bintang  
dalam  
MGPWA 2011

## Tahniah!

di atas penerimaan pingat kebesaran  
sempena ulang tahun ke-49  
Hari Keputeraan Sultan Terengganu  
Tuanku Mizan Zainal Abidin

Majlis Sambutan  
**Merdeka**  
**Raya**  
**Sejarah**  
**Bukit Besi**

*majlis*  
**Buka Puasa**  
bersama anak-anak yatin.

Karnival  
**Pekan Budaya**  
Dungun 2011

## 03 isi kandungan

03 dari lidah pengarang

perutusan Menteri  
Besar Terengganu

05

talian am

04

perutusan YDP Dungun

visi & misi

Ahli Majlis,  
Majlis Perbandaran Dungun

06&07

portal rasmi MPD  
bertaraf 5 bintang  
dalam MGPWA 2011

08

08 mesyuarat  
pelancaran OSC Online

09

penerimaan darjah  
kebesaran

10

Karnival Pekan  
Budaya Dungun 2011

11 sejarah Bukit Besi

12

majlis buka puasa bersama anak yatim  
majlis sambutan merdeka raya

13

Kompleks Majlis Perbandaran Dungun  
700 sertai kayuhan santai  
bersama menteri

14 galeri

15

jasamu dikenang &  
Al-Fatihah

**Penaung**

Yang Dipertua

En. Harun Bin Mohamad

**Penasihat**

Pengarah Jabatan Khidmat

Pengurusan

En. Zahanapi Bin Sagaf

**Ketua Pengarang**

Nadira Binti Muda

**Pen. Ketua Pengarang**

Syazwana Binti Sulaiman

Ahmad Faisal Ishtiyad Bin Ahmed

**Reka Bentuk Grafik**

Ayub Bin Mohd Zin

**Wartawan**

Zubir Bin Mamat


Ahmad Tarmizi Bin Ghazali

Juwariah Binti Abdul Aziz

**Jurugambar**

Mohd Hafifi Bin Remali

Unit Gambar MPD

**MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN**

Jalan Yahya Ahmad

23000 Dungun, Terengganu.

Laman Web : <http://mpd.terengganu.gov.my>

Emel : [mpdungun@terengganu.gov.my](mailto:mpdungun@terengganu.gov.my)

Facebook : [www.facebook.com/mpdungun](http://www.facebook.com/mpdungun)

No. Telefon : 09-8481931 / 09-8481932

No. Faks : 09-8483210

Syukur Alhamdulillah, maka hari ini lahirnya keluaran sulung Buletin MPD bukan di atas kudrat saya bersendirian malah ianya adalah hasil kerjasama dan sokongan yang kuat dari sidang redaksi. Dikesempatan ini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih atas cetusan idea Yang Dipertua dan Penasihat MPD yang ingin melihat Buletin MPD ini terus berada di puncak dalam usaha menyampaikan pengetahuan yang jelas kepada warga MPD termasuk penduduk di daerah ini. Pejam celik... pejam celik, seperti tidak percaya, daerah Dungun kini sudah semakin membangun.

Bandar Dungun yang sebelum ini ketinggalan telah mula tersohor hasil kerjasama dan kerja kuat dari warga MPD termasuk idea dari Ahli-ahli Majlisnya. Apa yang paling membanggakan saya, biarpun saya tidak dilahirkan di daerah ini, saya sering menerima pujian dikalangan rakan-rakan yang berada di luar negeri yang menyatakan Dungun kini semakin membangun, indah serta kebersihannya terjaga sehingga ke ceruk kampung. Lambaan landskap yang indah, suasana bandar yang diterangi lampu limpah menghidupkan suasana bandar dan tidak keterlaluan sekiranya saya katakan MPD kini semakin melangkah ke arah sebuah bandaraya yang maju.

Sebagai menuju ke arah itu, saya berharap agar warga MPD dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik, cemerlang dan berdedikasi serta bekerjasama tanpa merasa jemu demi menaikkan imej MPD di mata penduduk. Saya percaya sekiranya semua bangkit bekerjasama maka suatu kerja yang berat itu akan dapat diringankan dan sekiranya kita masih berada ditakuk lama dan tidak mahu bangkit maka jawabnya kita gagal melangkah lebih jauh. Marilah rakan-rakan sekalian kita sama-sama terus bangkit dalam usaha kita menjadikan MPD ke arah satu matlamat iaitu MAJU PROGRESIF DINAMIK (MPD).

